

Helo Kampus

f hello kampus

kampus@utusan.com.my

IDRIS JUSOH (dua dari kiri) mendengar ahli panel yang memberi pandangan mengenai agenda memperkasa sistem pendidikan tinggi menjelang 2050.



IDRIS JUSOH (empat dari kiri) dan Aini Ideris (dua dari kanan) bersama peserta Sesi Dialog TN50 di UPM Serdang, Selangor baru-baru ini.



SEORANG peserta menanyakan soalan kepada ahli-ahli panel Sesi Dialog TN50.



Ahli akademik jayakan TN50

Oleh MOHD. SAIFUL MOHD. SAHAK

kampus@utusan.com.my



AHLI akademik di negara ini disaran terus melibatkan diri secara aktif dengan menyumbang idea serta aspirasi dalam menjayakan Transformasi Nasional 2050 (TN50).

Menteri Pendidikan Tinggi, **Datuk Seri Idris Jusoh** berkata, selaras dengan usaha itu, kementerian beliau akan terus menyokong idea-idea baharu ke arah menjayakan agenda memperkasa sistem pendidikan tinggi negara.

"Saya percaya idea-idea ahli akademik juga tidak kurang hebatnya.

"Saya optimis bahawa kita akan dapat mengenal pasti kehendak, kecenderungan dan aspirasi rakyat khususnya dalam menjayakan pendidikan tinggi negara," katanya ketika Sesi Dialog TN50 di Universiti Putra Malaysia (UPM) Serdang, baru-baru ini.

Yang turut hadir, Timbalannya, Datuk Dr. Mary Yap Kain Ching; Ketua Setiausaha Kementerian, Tan Sri Dr. Noorul Ainur Mohd Nur; Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi, Datin Paduka Ir. Dr. Siti Hamisah Tapsir dan Naib Canselor UPM, Prof. Datin Paduka Dr. Aini Ideris.

Idris berkata, idea dan pandangan baharu itu melibatkan usaha ke arah memperkasa sistem pendidikan tinggi pada 2050 dengan mewujudkan jaringan intelektual dalam kalangan pelajar selain meningkatkan kerjasama industri.

Selain itu, penerapan teknologi dalam pembelajaran di universiti diberi penekanan ke arah melahirkan pelajar yang kreatif dan berinovasi tinggi.

"Ini menunjukkan bahawa suara dan pandangan ahli akademik amat penting dalam merangka dan menentukan masa hadapan negara. Ahli akademik perlu bersama memainkan peranan besar ke arah misi TN50.

"Oleh itu, kita akan terus mengambil kira peranan dan mengiktiraf sumbangan ahli-ahli akademik dalam memacu pembangunan negara menjelang 2050," katanya.



Ini menunjukkan bahawa suara dan pandangan ahli akademik amat penting dalam merangka dan menentukan masa hadapan negara. Ahli akademik perlu bersama memainkan peranan besar ke arah misi TN50."